

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [ SIK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan rebat/incentif pengecualian cukai korporat kepada agensi yang terlibat memajukan pembangunan tanah terbiar di luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan prihatin, pelbagai layanan cukai sama ada dalam bentuk insentif atau pengecualian cukai terus diberikan bagi memastikan kelangsungan pembangunan sosio-ekonomi secara inklusif dan seimbang merentasi wilayah di seluruh negara. Ini termasuklah initiatif membangunkan tanah terbiar di kawasan luar bandar dan kurang membangun.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, badan berkanun Kerajaan seperti Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah (atau FELCRA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (atau KEJORA) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (atau KESEDAR) yang ditugaskan untuk membangunkan luar bandar telahpun menikmati pengecualian cukai ke atas pendapatan yang dibenarkan dikutip di bawah akta penubuhannya. Ini termasuklah pengecualian cukai ke atas yuran, ses, levi dan kompoun. Derma atau sumbangan dan sebarang geran yang diterima daripada Kerajaan juga dikecualikan daripada sebarang cukai. Selain itu, pelbagai jenis insentif dalam bentuk galakan cukai turut disediakan kepada koridor-koridor wilayah pembangunan seperti Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Koridor Pembangunan Tenaga Sarawak, Koridor Pembangunan Sabah dan Iskandar Malaysia.
3. Pada masa yang sama, Kerajaan terus bertindak secara proaktif untuk merancakkan kegiatan ekonomi masyarakat setempat dan menyumbang kepada kemakmuran negara. Kerajaan kini mengkaji sektor serta industri sedia ada dan baharu di mana pengecualian cukai pendapatan sehingga 100% untuk tempoh sehingga 15 tahun boleh dipertimbang untuk diberikan kepada pemaju atau pelabur yang memajukan kawasan kurang membangun yang ditentusahkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Sekian, terima kasih.